



Mustapa (tiga kiri) menyampaikan Piala Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada Zohari selepas Rapid Rail merangkul Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan Team Excellence 2016 pada Majlis Penutup APIC 2016 dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, baru-baru ini, yang turut dihadiri Azman (kanan).



Aminudin bersama kakitangan bergambar selepas memenangi Piala Ketua Pengarah MPC.

# APIC medan pertingkatkan produktiviti, daya saing

➔ Inisiatif MPC bantu sektor awam, swasta pameran amalan terbaik



Oleh Suhaila Shahrul Annuar  
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

Inisiatif yang dilaksanakan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui pelbagai platform memberi peluang kepada sektor awam dan swasta negara ini mempamerkan amalan terbaik mereka dalam usaha meningkatkan produktiviti.

Strategi yang digunakan MPC termasuk mengadakan Persidangan Produktiviti & Inovasi dan Eksposisi (APIC) 2016 berjaya menarik sektor awam dan swasta memperjuangkan produktiviti dan

daya saing dalam agensi masing-masing.

### Kejayaan Rapid Rail

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, Datuk Ir Zohari Sulaiman, berkata kejayaan Rapid Rail Sdn Bhd merangkul Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan Team Excellence 2016 adalah hasil usaha dan kerjasama daripada pekerja pelbagai peringkat.

Beliau berkata, penyertaan pihaknya dalam semua siri pertandingan dan persidangan dianjurkan MPC sejak 10 tahun lalu berjaya memupuk tenaga kerja yang cekap, inovatif dan berkemahiran.

"Inisiatif MPC menjadikan Rapid Rail Sdn Bhd memiliki tenaga kerja yang cekap dengan memanfaatkan penyelidikan dan inovasi menerusi perkongsian idea daripada pekerja peringkat bawahan hingga atasan, sekali gus membawa kepada penjimatan kos dan meningkat produktiviti syarikat," katanya selepas Majlis Penutup APIC 2016 dan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, baru-baru ini.

Kejayaan merangkul Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan Team Excellence 2016 melayakkan Rapid Rail Sdn Bhd menerima Piala Men-

teri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan wang tunai RM6,000.

Majlis penutupan dan penyampaian anugerah disempurnakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

**2,000 peserta ambil bahagian**  
APIC 2016 yang berlangsung pada 25 hingga 27 Oktober lalu menarik lebih 2,000 peserta sektor awam dan swasta dalam pertandingan berkaitan produktiviti dan inovasi.

Mengulas lanjut mengenai ciptaan dihasilkan kumpulan dari Rapid Rail Sdn Bhd, Zohari berkata, ia adalah alat penguji dicipta untuk menguji kipas penyejuk yang berfungsi menyedut motor yang menggerakkan kereta api (Linear Induction Motor-LIMS).

"LIMS beroperasi 18 jam sehari dan ia memerlukan kipas penyejuk untuk menyedukannya jadi kipas penyejuk perlu sentiasa diuji dan dipastikan sentiasa dalam keadaan baik bagi menjalankan fungsinya menyedut motor.

"Dengan menggunakan alat penguji ini, masa diperlukan untuk proses penyelenggaraan hanya 10 hingga 15 minit berbanding sebelum ini yang memakan masa lebih dari satu jam kerana perlu

mencabut dan memasangnya berulang kali di atas tren," katanya.

Beliau berkata, melalui ciptaan terbaru ini, masa penyelenggaraan dapat dikurangkan, sekali gus meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos operasi kira-kira RM1.3 juta setahun.

### Dua syarikat menang

Sementara itu, HP Malaysia Manufacturing Sdn Bhd dan KPJ Healthcare Berhad masing-masing memenangi Piala Pengerusi MPC dan Ketua Pengarah MPC.

Pengurus Kecemerlangan Operasi HP Malaysia Manufacturing, See Hong Peng, berkata penyertaan dalam APIC 2016 adalah kali pertama dan tidak menyangka berjaya merangkul kejayaan itu.

"HP Malaysia Manufacturing menjadi kumpulan yang menyumbang jumlah kos penjimatan tertinggi menerusi projek HP Lean Machine," katanya.

Pengarah Eksekutif KPJ Health Care Berhad, Aminudin Dawam, berkata penyertaan secara konsisten sejak 1995 dengan pelbagai program dianjurkan MPC melayakkan kumpulan itu menerima Piala Ketua Pengarah MPC sebagai organisasi yang aktif dalam pelaksanaan Team Excellence secara konsisten.

"Kami menghantar 18 pasukan

daripada 25 hospital dalam kumpulan KPJ yang membabitkan pelbagai projek menjurus kepada penjimatan perbelanjaan, penambahan jualan dan penambahbaikan perkhidmatan sama ada kepada pesakit atau pelanggan kami.

"Penambahbaikan berterusan memang menjadi budaya kumpulan KPJ, justeru, kami akan teruskan projek inovasi yang boleh diterima pakai seluruh warga KPI," katanya.

### Peringkat antarabangsa

Pengerusi MPC, Tan Sri Azman Hashim, berkata APIC dimulakan sejak 2011 sebagai platform untuk organisasi awam dan swasta mempamerkan amalan terbaik mereka dalam proses inovasi, meningkatkan kepuasan pelanggan dan pengurusan kos.

Katanya, sektor awam dan swasta di negara ini mencatatkan penjimatan kos sehingga RM2.3 bilion dari 2011 hingga tahun-lalu menerusi pelbagai projek inovasi daripada APIC.

"Projek inovasi sektor awam dan swasta juga dinilai pada peringkat serantau dan kumpulan yang menunjukkan prestasi terbaik dalam APIC akan dijemput mengambil bahagian dalam beberapa persidangan antarabangsa berkaitan inovasi," katanya.



Hong Peng bersama Jurutera Proses HP Malaysia Manufacturing, Nur Azfarina Anuar bergambar bersama Piala Pengerusi MPC dan sivil dimenangi.